

**SPRM Laksana Tugas Sebaik Mungkin Untuk Banteras Rasuah – Najib Bernama
Julai 27, 2011**

PUTRAJAYA, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini melaksanakan tugas terbaiknya untuk menghapus rasuah, ketika berdepan dengan pelbagai cabaran.

"Banyak cabaran yang perlu diatasi tetapi mereka beriltizam untuk melakukan usaha terbaik demi menentukan rasuah ditangani secara paling efektif di negara ini," katanya kepada pemberita selepas Perbincangan Meja Bulat Online 1Malaysia pertama dengan pakar-pakar di pelbagai bidang di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Beliau mengulas mengenai cadangan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) terhadap kematian pembantu politik Teoh Beng Hock, bagi penambahbaikan aspek perlindungan saksi yang disoalsiasat oleh SPRM.

Najib berkata perubahan operasi akan dibuat kepada SPRM dari segi latihan di mana RCI menyatakan bahawa latihan yang ada kurang lengkap.

"Jadi kita akan perkukuh latihan, kaedah soal siasat dan pengendalian saksi akan mematuhi garis panduan baru," kata beliau. Laporan RCI menyatakan Teoh terdorong untuk membunuh diri akibat soal siasat yang agresif, tanpa henti dan begitu menekan oleh pegawai tertentu SPRM.

Najib berkata terpulang kepada SPRM dan polis untuk menjalankan siasatan selanjutnya dan Peguam Negara untuk memutuskan bentuk tindakan berikutnya.

Beliau juga berkata cadangan dibuat oleh anggota panel RCI itu tidak menjejaskan imej SPRM oleh kerana mereka bercakap mengenai individu berkenaan dan bukan pertubuhan itu secara keseluruhannya.

-- BERNAMA